

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bilangan penerima bantuan Program Rezeki Tani serta langkah meningkatkan penglibatan penerima bantuan daripada penduduk luar dan pinggir bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan matlamat untuk membantu meningkatkan pendapatan para peserta melalui bantuan projek ekonomi dalam bidang pertanian serta industri makanan dan asas tani. Kumpulan sasar peserta program adalah terdiri daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

Bagi tempoh 2019 hingga 2020, seramai 1,011 orang peserta telah menerima manfaat daripada Program Rezeki Tani dengan peruntukan berjumlah RM10 juta. Melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12),

SOALAN NO : 27

sebanyak RM10 juta telah disediakan untuk pelaksanaan Program ini bagi tempoh lima (5) tahun. Untuk tahun 2021, MAFI telah diluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi membantu 180 orang peserta di seluruh negara. Sehingga 30 September 2021, seramai 146 orang peserta telah diluluskan sebagai peserta Program Rezeki Tani melibatkan peruntukan sebanyak RM1.46 juta.

Secara lazimnya, pelaksanaan Program Rezeki Tani akan tertumpu di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi yang mana kebanyakan kawasan-kawasan ini adalah terletak di luar bandar serta pinggir bandar. MAFI melalui Jabatan dan Agensi pelaksana di peringkat negeri serta daerah sentiasa memastikan proses bancian peserta di lapangan dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam mengenal pasti calon yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan. Menerusi proses bancian di lapangan juga, penglibatan lebih berkesan calon peserta dari kawasan luar serta pinggir bandar dapat dipertingkatkan.

MAFI sentiasa prihatin terhadap nasib golongan berpendapatan rendah khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar serta pinggir bandar. Dengan adanya Program Rezeki Tani antara lain, MAFI dapat meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti berkaitan bidang pertanian.

Sekian, terima kasih